

16.1.2019

KENYATAAN MEDIA
oleh YAB Tuan Chow Kon Yeow
Ketua Menteri Pulau Pinang

TARIF AIR DOMESTIK PULAU PINANG: HANYA 1 SEMAKAN SEJAK 2008

PULAU PINANG, Rabu, 16.1.2019: Tarif air domestik di Pulau Pinang telah disemak hanya sekali dalam tempoh 2008 – 2017.

- Pada 2010, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) memperkenalkan surcaj pemuliharaan air (WCS), pada RM0.24 setiap 1,000 liter, hanya untuk penggunaan domestik melebihi 35,000 liter sebulan. Pada tahun 2010, PBAPP juga melaksanakan semakan tarif perniagaan tetapi TIADA semakan tarif domestik.
- Pada 2013, PBAPP mengkaji semula WCS daripada RM0.24 setiap 1,000 liter kepada RM0.48 setiap 1,000 liter. Tiada kajian tarif perniagaan atau domestik dilakukan.
- Pada 2015, PBAPP melaksanakan semakan tarif air yang membabitkan pengguna air domestik dan perniagaan.

WCS dan Pengurangan Penggunaan Domestik Per Kapita

Pengenalan dan semakan WCS tidak boleh dianggap sebagai semakan tarif air domestik, disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

1. WCS bertujuan untuk mengurangkan penggunaan domestik per kapita Pulau Pinang. Sejak pengenalannya pada tahun 2010 dan semakan pada tahun 2013, ia berjaya mencapai tujuan itu.

Sila rujuk "Appendix A: WCS, Water Tariff Reviews and the Impact on Per Capita Domestic Water Consumption in Penang"

2. 77% pengguna air domestik Pulau Pinang yang menggunakan kurang daripada 35,000 liter sebulan TIDAK membayar WCS. WCS

hanya memberi kesan kepada 23% pengguna air domestik di Pulau Pinang yang menggunakan lebih daripada 35,000 liter sebulan.

3. Tidak seperti semakan tarif domestik, WCS dapat dielakkan. Pengguna air domestik boleh mengelak daripada membayar WCS pada bila-bila masa, dengan mengurangkan penggunaan air mereka tidak melebihi 35,000 liter sebulan.
4. Isi rumah dengan 8 orang atau lebih boleh memohon rebat WCS60 yang menawarkan rebat 60% daripada WCS.

Rasional Utama untuk Permohonan Semakan Tarif PBAPP

PBAPP memohon untuk semakan tariff air di Pulau Pinang kerana:

- PBAPP merancang untuk melabur sebanyak RM501 juta dalam projek bekalan air dalam tempoh 2019 - 2021. Projek-projek ini termasuk Saluran Paip Berkembar Dasar Laut Butterworth-Pulau Pinang, Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak, menaik taraf semua kemudahan bekalan air sedia ada dan pemasangan saluran paip baru dan penggantian saluran paip.
- Subsidi air di Pulau Pinang untuk 2017 dan 2018 berjumlah RM163.2 juta. Tahap subsidi tidak mampan dan perlu dikurangkan agar dana dapat digunakan bagi projek-projek bekalan air yang penting.
- Permintaan air di Pulau Pinang dijangka meningkat daripada 826 juta liter sehari (MLD) pada 2017 kepada 1,884 MLD pada tahun 2050. PBAPP perlu menaik taraf dan mengoptimumkan infrastruktur bekalan air untuk mengelakkan kekurangan bekalan air di masa depan.
- Dalam era perubahan iklim ini, PBAPP mesti meminimumkan risiko catuan air di negeri yang mempunyai sumber air mentah yang terhad.

Sehingga Januari 2019, PBAPP dapat memenuhi semua keperluan bekalan air Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, sebagai operator bekalan air yang bertanggungjawab, PBAPP perlu merancang dan bertindak untuk memastikan kelestarian dan jaminan bekalan air pada masa depan.

Terima kasih.

**APPENDIX A:
WCS, 2015 WATER TARIFF REVIEW AND THE IMPACT ON
PER CAPITA DOMESTIC WATER CONSUMPTION IN PENANG.**

